

SH 17/7/2019 m/s &

## Tak pernah keluar lesen laut dalam kepada warga asing

**PUTRAJAYA** - Jabatan Perikanan tidak pernah mengeluarkan lesen laut dalam untuk diberikan, disewa atau dipajak kepada warga asing.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam satu kenyataan berkata, Jabatan Perikanan di bawah kementerian itu hanya mengeluarkan lesen kepada individu atau syarikat tempatan sahaja.

“Mengulas isu pencerobohan kapal nelayan asing ke perairan negara sejak September 2017, Jabatan Perikanan melalui Jawatankuasa Penilaian Permit Laut Dalam berseutuju untuk tidak lagi mengelu-

arkan permit laut dalam untuk kapal perolehan dari luar negara (terpakai atau bina baharu) kecuali hanya bina baharu dalam negara melalui pemoendan kapal.

“Tindakan tegas telah diambil dengan melaksanakan pemutihan kapal laut dalam bagi memastikan bot yang berlesen mematuhi undang-undang, syarat dan dasar pelesenan.

“Pihak Jabatan Perikanan juga mengemaskini Akta Perikanan berhubung tafsiran bagi memastikan setiap kes dapat disabitkan kesalahan,” menurut kenyataan itu. - *Bernama*